



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 16

3hb Ogos 2009

TAMBAHAN No. 89
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 287.

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 5) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 5) 2009**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Ogos 2009.

Pindaan Jadual 5

2. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dipinda dengan menggantikan Jadual 5 dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL 5

[Subseksyen 213(1)]

Cadangan yang tidak menghendaki kelulusan

Kategori transaksi yang tidak tertakluk kepada kehendak subseksyen 212(4)

1. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti oleh

atau dijamin oleh—

- (a) Kerajaan Persekutuan;
 - (b) mana-mana Kerajaan Negeri; atau
 - (c) Bank Negara.
2. Penyenaraian suatu perbadanan atau sebut harga sekuriti di pasaran alternatif bursa saham.
3. Penerbitan sekuriti berhubung dengan cadangan di bawah subperenggan 212(2)(c)(i) atau (ii), kecuali bagi debentur atau sekuriti Islam.
4. Semua perdagangan sekuriti yang dilaksanakan—
 - (a) dalam pasaran wang;
 - (b) di pasaran saham sesuatu bursa saham yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2); atau
 - (c) di mana-mana bursa lain di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah bursa saham.
5. Pelawaan atau tawaran untuk menaja jamin atau menaja jamin kecil sekuriti menurut suatu perjanjian penajajaminan.
6. Penerbitan atau utukan sekuriti kepada seseorang penaja jamin atau penaja jamin kecil menurut suatu perjanjian penajajaminan.
7. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti suatu syarikat kepada anggota sedia ada suatu syarikat mengikut pengertian seksyen 270 Akta Syarikat 1965.

Syarikat luar pesisir dan perbadanan asing

8. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti suatu syarikat luar pesisir sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990—
 - (a) khusus kepada orang di luar Malaysia; atau
 - (b) kepada suatu syarikat luar pesisir lain atau syarikat luar pesisir asing sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.
9. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti suatu syarikat asing sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 kepada suatu syarikat luar pesisir atau syarikat luar pesisir asing sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

-
10. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti, kecuali debentur, sekuriti Islam, unit amanah dan pelaburan ditetapkan, suatu perbadanan asing yang disenaraikan di suatu bursa di luar Malaysia yang diiktiraf di bawah kaedah-kaedah bursa saham menurut—
- (a) suatu skim syer pekerja atau opsyen syer pekerja;
 - (b) suatu terbitan bonus;
 - (c) suatu pengagihan syer baharu sebagai ganti dividen;
 - (d) suatu pengagihan syer yang dipegang oleh perbadanan asing dalam anak syarikatnya sebagai ganti kepada dividen; atau
 - (e) suatu terbitan hak.
11. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti, kecuali debentur, sekuriti Islam, unit amanah dan pelaburan ditetapkan, suatu perbadanan asing yang tidak disenaraikan di bursa saham atau suatu bursa di luar Malaysia menurut—
- (a) suatu skim syer pekerja atau opsyen syer pekerja;
 - (b) suatu terbitan bonus;
 - (c) suatu pengagihan syer baharu sebagai ganti kepada dividen; atau
 - (d) suatu terbitan hak yang tidak boleh dilepaskan.
12. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti, kecuali debentur, sekuriti Islam, unit amanah dan pelaburan ditetapkan, suatu perbadanan asing yang disenaraikan di suatu bursa di luar Malaysia kepada seseorang yang tergolong dalam perenggan 7, 8, 9, 11, 12, 13 atau 14 Jadual 6 atau 7, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377, dengan syarat—
- (a) bursa itu diiktiraf di bawah kaedah-kaedah bursa saham; dan
 - (b) pengedaran sekuriti itu dibuat oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.
13. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti sedia ada, kecuali debentur, sekuriti Islam, unit amanah dan pelaburan ditetapkan, suatu perbadanan asing yang tidak disenaraikan di bursa saham atau suatu bursa di luar Malaysia kepada pemegang sedia ada sekuriti itu atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dalam mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377.

Pemerolehan dan pelupusan aset oleh perbadanan tersenarai

14. Pemerolehan atau pelupusan aset yang mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang disenaraikan di pasaran alternatif bursa saham.
15. Pelupusan aset yang mengakibatkan perubahan yang signifikan haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan yang disenaraikan di pasaran utama bursa saham.

Ekuiti dan sekuriti terbitan-ekuiti

16. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti, kecuali debentur, sekuriti Islam, unit amanah dan pelaburan ditetapkan—
 - (a) suatu syarikat persendirian;
 - (b) suatu syarikat awam yang tidak disenaraikan di bursa saham dan tidak memohon untuk penyenaian di pasaran utama bursa saham;
 - (c) suatu perbadanan yang memohon untuk penyenaian di pasaran alternatif bursa saham; atau
 - (d) suatu perbadanan yang disenaraikan di pasaran alternatif bursa saham selain berkenaan dengan suatu pertukaran status penyenaian perbadanan itu kepada pasaran utama bursa saham.
17. Berkenaan dengan perbadanan yang disenaraikan di pasaran utama bursa saham—
 - (a) apabila perbadanan itu menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti berkaitan dengan—
 - (i) penjanaan suatu waran, opsiyen atau hak melanggan boleh tukar, penukaran suatu nota boleh ubah atau syer keutamaan, atau penukaran suatu nota boleh tukar;
 - (ii) suatu hak berkenaan dengan suatu waran, opsiyen atau hak tanpa balasan;
 - (iii) pembahagian kecil atau penyatuan syer;
 - (iv) suatu skim syer pekerja atau opsiyen syer pekerja;
 - (v) suatu terbitan bonus;
 - (vi) suatu terbitan hak;
 - (vii) penjanaan penempatan secara persendirian; atau
 - (viii) mana-mana lain penjanaan aktiviti korporat di bawah kaedah-kaedah bursa saham sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya,

kecuali—

- (AA) bagi debentur, sekuriti Islam, unit amanah, atau pelaburan ditetapkan; atau
 - (BB) apabila perbadanan itu menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti sebagai sebahagian cadangan yang tergolong di bawah perenggan 212(2)(f); atau
- (b) sebut harga sekuriti yang disebut dalam subperenggan (a) di pasaran saham suatu bursa saham.
18. Menjadikan tersedia, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, waran berstruktur dengan syarat bahawa penerbit waran berstruktur itu mematuhi kehendak kelayakan yang ditentukan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan sebut harga waran berstruktur itu di pasaran saham suatu bursa saham.
 19. Berkenaan dengan suatu perbadanan yang disenaraikan di bursa saham—
 - (a) pengagihan syer perbendaharaan sebagai dividen; atau
 - (b) pengagihan syer baharu sebagai ganti kepada dividen.
 20. Pengagihan aset sebagai ganti kepada dividen oleh suatu syarikat awam yang tidak tersenarai di bursa saham.

Debentur dan sekuriti Islam

21. Penerbitan nota menurut suatu kemudahan penerbitan nota atau kemudahan pusingan penajajaminan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
22. Semua perdagangan dalam debentur jenis mata wang asing atau sekuriti Islam yang dilaksanakan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
23. Penerbitan debentur atau sekuriti Islam oleh suatu perbadanan kepada perbadanan yang berhubungan dengannya yang debentur atau sekuriti Islam itu hendaklah mengandungi terma yang melarang pemindahan debentur atau sekuriti Islam itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana orang lain.”.

Dibuat 30 Julai 2009

[KK/BPKA/K1/S/483/128/1/1; PN(PU²)622/III]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (AMENDMENT OF SCHEDULE 5) ORDER 2009

IN exercise of the powers conferred by subsection 380(1) of the Capital Markets and Services Act 2007 [*Act 671*], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Capital Markets and Services (Amendment of Schedule 5) Order 2009**.

(2) This Order comes into operation on 3 August 2009.

Amendment of Schedule 5

2. The Capital Markets and Services Act 2007 is amended by substituting for Schedule 5 the following Schedule:

“SCHEDULE 5

[Subsection 213(1)]

Proposals not requiring approval

Categories of transactions not subject to the requirements of subsection 212(4)

1. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, securities by or guaranteed by—
 - (a) the Federal Government;
 - (b) any State Government; or
 - (c) Bank Negara.
2. The listing of a corporation or the quotation of securities on the alternative market of the stock exchange.
3. Issuance of securities in relation to proposal under subparagraph 212(2)(c)(i) or (ii), except for debentures or Islamic securities.
4. All trades in securities effected—
 - (a) in the money market;
 - (b) on a stock market of a stock exchange which is approved by the Minister pursuant to subsection 8(2); or
 - (c) on such other exchange outside Malaysia which is recognised under the rules of the stock exchange.

5. Invitation or offering to underwrite or subunderwrite securities pursuant to an underwriting agreement.
6. Issuance or allotment of securities to an underwriter or subunderwriter pursuant to an underwriting agreement.
7. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, securities of a company to existing members of a company within the meaning of section 270 of the Companies Act 1965.

Offshore companies and foreign corporations

8. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, securities by an offshore company as defined under the Offshore Companies Act 1990—
 - (a) exclusively to persons outside Malaysia; or
 - (b) to another offshore company or foreign offshore company as defined under the Offshore Companies Act 1990.
9. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, securities of a foreign company as defined under the Offshore Companies Act 1990 to an offshore company or foreign offshore company as defined under the Offshore Companies Act 1990.
10. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, securities, except debentures, Islamic securities, unit trust and prescribed investments, of a foreign corporation that is listed on an exchange outside Malaysia which is recognised under the rules of the stock exchange pursuant to—
 - (a) an employee share or employee share option scheme;
 - (b) a bonus issue;
 - (c) a distribution of new shares in lieu of dividends;
 - (d) a distribution of shares held by the foreign corporation in its subsidiary in lieu of dividends; or
 - (e) a rights issue.
11. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, securities, except debentures, Islamic securities, unit trust and prescribed investments, of a foreign corporation that is not listed on the stock exchange or an exchange outside Malaysia pursuant to—
 - (a) an employee share or employee share option scheme;
 - (b) a bonus issue;
 - (c) a distribution of new shares in lieu of dividends; or
 - (d) a non renounceable rights issue.

12. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, securities, except debentures, Islamic securities, unit trust and prescribed investments, of a foreign corporation that is listed on an exchange outside Malaysia to a person falling within paragraph 7, 8, 9, 11, 12, 13 or 14 of Schedule 6 or 7, as the case may be, or any other person as may be specified by the Commission in any guideline issued under section 377, provided that—
 - (a) such exchange is recognised under the rules of the stock exchange; and
 - (b) the distribution of such securities is made by a holder of a Capital Markets Services Licence who carries on the business of dealing in securities.
13. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, existing securities, except debentures, Islamic securities, unit trust and prescribed investments, of a foreign corporation that is not listed on the stock exchange or an exchange outside Malaysia to existing holders of those securities or any other person as may be specified by the Commission in any guideline issued under section 377.

Acquisition and disposal of assets by a listed corporation

14. Acquisition or disposal of assets which results in a significant change in the business direction or policy of a corporation that is listed on the alternative market of the stock exchange.
15. Disposal of assets which results in a significant change in the business direction or policy of a corporation that is listed on the main market of the stock exchange.

Equity and equity-linked securities

16. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, securities, except debentures, Islamic securities, unit trust and prescribed investments, of—
 - (a) a private company;
 - (b) a public company that is not listed on the stock exchange and is not seeking listing on the main market of the stock exchange;
 - (c) a corporation seeking listing on the alternative market of the stock exchange; or
 - (d) a corporation that is listed on the alternative market of the stock exchange other than in respect of a transfer of listing status of such corporation to the main market of the stock exchange.
17. In respect of a corporation that is listed on the main market of the stock exchange—
 - (a) when the corporation makes available, offers for subscription

or purchase, or issues an invitation to subscribe or purchase, securities relating to—

- (i) the exercise of a warrant, option or transferable subscription right, conversion of a convertible note or preference share, or the exchange of an exchangeable note;
- (ii) an entitlement in respect of a warrant, option or right without consideration;
- (iii) a subdivision or consolidation of shares;
- (iv) an employee share or employee share option scheme;
- (v) a bonus issue;
- (vi) a rights issue;
- (vii) a private placement exercise; or
- (viii) any other corporate exercise under the rules of the stock exchange as may be specified by the Commission,

except—

- (AA) for debentures, Islamic securities, unit trusts and prescribed investments; or
- (BB) when the corporation makes available, offers for subscription or purchase, or issues an invitation to subscribe or purchase, securities as part of a proposal falling under paragraph 212(2)(f); or

(b) the quotation of securities referred to in subparagraph (a) on a stock market of a stock exchange.

18. Making available, offering for subscription or purchase, or issuing an invitation to subscribe for or purchase, structured warrants provided that the issuer of the structured warrants complies with eligibility requirements specified in the guidelines issued by the Commission and quotation of the structured warrants on a stock market of a stock exchange.
19. In respect of a corporation that is listed on the stock exchange—
 - (a) the distribution of treasury shares as dividends; or
 - (b) the distribution of new shares in lieu of dividends.
20. Distribution of assets in lieu of dividends by a public company that is not listed on the stock exchange.

Debentures and Islamic securities

21. Issuance of notes pursuant to a note issuance facility or revolving underwriting facility as may be specified by the Commission.
22. All trades in foreign currency denominated debentures or Islamic securities effected in a manner as may be specified by the Commission.

23. Issuance of debentures or Islamic securities by a corporation to its related corporation where such debentures or Islamic securities shall include a term that prohibits the transfer of such debentures or Islamic securities, as the case may be, to any other person.”.

Made 30 July 2009
[KK/BPKA/K1/S/483/128/1/1; PN(PU²)662/III]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

P.U. (A) 288.

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK KELAPA SAWIT)
(No. 31) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Kelapa Sawit) (No. 31) 2009** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh 3 Ogos 2009 hingga 9 Ogos 2009.

Pemungutan dan pembayaran duti kastam

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 2007 [P.U. (A) 441/2007], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (VALUES) (PALM OIL) (No. 31) ORDER 2009

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Palm Oil) (No. 31) Order 2009** and shall have effect for the period from 3 August 2009 to 9 August 2009.

Levy and payment of customs duties

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 2007 [P.U. (A) 441/2007], the value of each of dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be the value specified in column (4) of the said Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	Subkepala (Subheading)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
Crude Palm Oil	1511.10.100	tonne	RM2,127.87

Dibuat 31 Julai 2009

Made 31 July 2009

[KE. HT(94) 819/03-6/Klt. 8(38); Perb. (8.20) 116/1-4;
PN(PU²)338/VIII/Klt. 8]

Dengan arahan Menteri Kewangan.
By direction of the Minister of Finance.

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/
On behalf and in the name of the Minister of Finance

DATUK AZIYAH BINTI BHAUDDIN
Setiausaha
Bahagian Analisa Cukai

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA